

17/12/1997

Pahang lulus projek bina kunci air

KUANTAN, Selasa - Kerajaan negeri meluluskan pembinaan sebuah kunci air di Sungai Chini dianggarkan bernilai RM3 juta, bagi mengawal kenaikan paras air.

Keputusan itu dibuat dalam perjumpaan Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Kesenian Pahang, Datuk Shahiruddin Ab Moin dengan kira-kira 50 wakil Jabatan Bekalan Air (JBA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah Pekan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pengusaha bot dan ketua kampung, baru-baru ini.

Menurut Shahiruddin, kajian bagi menentukan tapak akan dibuat JBA sebelum ditawarkan pembinaannya kepada syarikat yang berminat.

Beliau berkata, pembinaan kunci air itu juga selaras dengan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam pertemuan itu, semua wakil menunjukkan minat dengan cadangan itu yang boleh dijadikan lokasi tumpuan pelancong seperti di England dan Denmark.

"Saya juga yakin kunci air itu dapat mengawal kenaikan paras air yang dikenal pasti sebagai punca banyak pokok mati, sekali gus meningkatkan kadar asid dalam air," katanya, ketika dihubungi, di sini.

Perjumpaan itu juga mencadangkan pengusaha bot menggunakan bot yang tidak mengeluarkan bunyi bising sehingga mengganggu keselesaan pelancong menikmati suasana hutan.

(END)